

25/02/2001

Komponen BN Sarawak siap sedia hadapi pilihan raya

KUCHING: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya negeri kelapan pada bila-bila masa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun beliau belum mendapat taklimat terperinci mengenai strategi yang dilakukan oleh parti komponen BN Sarawak pada masa sekarang, beliau sudah berjumpa dengan pemimpin semua parti komponen BN negeri dan mengadakan sesi dialog dengan mereka.

"Nampaknya mereka memahami masalah yang dihadapi rakyat dan sudah bersedia menghadapi pilihan raya bila-bila masa," katanya ketika menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) selepas lawatan rasmi dua hari ke Sarawak, petang semalam.

Ditanya apakah beliau rasa inilah masa terbaik untuk mengadakan pilihan raya di Sarawak, Dr Mahathir berkata:

"Setiap masa adalah masa yang sesuai. Tetapi jangan nak adakan pilihan raya hanya kerana anda mahu mengadakannya. Ia perkara serius. Anda mahu membentuk kerajaan, sebab itu kita adakan pilihan raya. Jadi bersabarlah," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin, mengadakan perjumpaan tertutup dengan semua pemimpin parti komponen BN negeri di sebuah hotel di sini, pada hari pertama lawatannya.

Ditanya mengenai ada pihak yang masih menggunakan nama Umno di sebalik perjuangan mereka untuk memburuk-burukkan kerajaan negeri Sarawak, meskipun Umno sudah banyak kali memberi jaminan mengenai pendiriannya berhubung perkara itu, Presiden Umno itu berkata:

"Saya mahu beritahu rakyat Sarawak, Umno tidak ada di Sarawak dan sesiapa saja yang mendakwa diri mereka Umno, mereka bukan Umno".

Menurut Dr Mahathir, penduduk Sarawak tidak harus terkeliru dan terpengaruh dengan perjuangan mereka yang kononnya berjuang atas nama Umno di Sarawak, kerana Umno tidak akan menerima golongan ini.

Beliau berkata, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha (bekas Menteri Pertahanan) boleh mencabar Ketua Menteri (Tan Sri Abdul Taib Mahmud, jika beliau mahu berbuat demikian, tetapi Abang Abu tidak seharusnya menggunakan nama Umno.

Ditanya sama ada beliau sudah mendapat ilham mengenai cadangan untuk memanjangkan tempoh bagi sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah, beliau berkata; "Berilah saya masa...."

Mengenai lawatannya ke Sarawak, beliau berkata, lawatannya memang singkat tetapi padat dengan program dan beliau perlu memberi ucapan serta menghadiri tiga sesi dialog yang menyentuh tiga subjek berbeza.

"Sambutan yang diberikan kepada saya juga cukup baik. Saya berpendapat keadaan di Sarawak ini cukup baik dari segi pembangunan, keharmonian kaum dan juga semangat yang ditunjukkan oleh pegawai kerajaan dan ahli politik.

"Saya lihat bandar Kuching umpamanya, sudah bertukar wajah dan perubahan begitu ketara. Industri juga sudah mula datang ke sini, bukan saja limpahan daripada industri di Semenanjung, tetapi juga ada industri yang datang ke sini (Sarawak) dulu.

"Sarawak berpotensi terus membangun dan tumbuh dengan lebih pesat. Saya juga gembira dengan sikap rakyat Sarawak," katanya.

(END)